# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## SELASA 20 DISEMBER 2022

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2. | MAQIS RAMPAS GINSENG DARI CHINA, NEGERI P.PINANG, SH -24<br>MAQIS RAMPAS 28KG GINSENG DARI CHINA, NEGARA, KOSMO -17 | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 3.<br><br>4.<br>5.<br>6. | INCENTIVES WORTH RM32mil GIVEN TO FARMERS IN JOHOR, METRO, THE STAR -4<br>PENTERNAK AKAN SERAH MEMO KEPADA PM, NASIONAL, SH -22<br>MINYAK MASAK PAKET, TELUR MASIH KURANG DI KUANTAN, NASIONAL, BH -18<br>CONCERN OVER OIL, EGG SHORTAGE, NEWS/NATION, NST -8 | LAIN-LAIN |

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/12/2022 | SINAR HARIAN | NEGERI P.PINANG | 24 |

# Maqis rampas ginseng dari China

**BUTTERWORTH** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas 22 kotak ginseng tanpa permit import yang sah di Pejabat Pos Malaysia Simpang Ampat, pada Rabu lalu.

Pengarah Maqis Pulau Pinang, Muhammad Ikram Abd Talib berkata, rampasan itu dilakukan selepas pemeriksaan bersama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Menurutnya, bungkusan ginseng itu dipercayai milik warga tempatan yang dibeli secara dalam talian dari China.

"Hasil pemeriksaan lanjut mendapati 22 kotak ginseng tersebut bertujuan untuk kegunaan sendiri.

"Kesemua kotak ginseng yang dianggarkan bernilai RM3,600 tersebut dirampas untuk tindakan lanjut," katanya dalam kenyataan pada Isnin.



**22 kotak gingseng yang dirampas oleh Maqis di Pejabat Pos Malaysia Simpang Ampat pada Rabu lalu.**

Muhammad Ikram berkata, perbuatan mengimport ginseng tanpa permit import Maqis yang sah adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

Jelasnya, sabit kesalahan individu terlibat boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3), akta yang sama dan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/12/2022 | KOSMO | NEGARA | 17 |



SEBAHAGIAN ginseng bernilai RM3,600 yang dirampas di Pejabat Pos Simpang Ampat, Nibong Tebal Rabu lalu.

# Maqis rampas 28kg ginseng dari China

**SEBERANG PERAI** – Hajat seorang individu untuk memiliki ginseng seberat 28 kilogram (kg) bernilai RM3,600 musnah apabila bahan tersebut dirampas sepasukan Jabatan Pemeriksaan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Rabu lalu.

Rampasan 22 kotak mengandungi ginseng yang diimport dari China itu dibuat di Pejabat Pos Simpang Ampat, Nibong Tebal.

Pengarah Maqis Pulau Pinang, Muhammad Ikram Abd Talib berkata, ginseng itu dirampas dengan kerjasama kastam kerana tidak mempunyai permit import sah.

"Pemeriksaan mendapati ginseng bernilai RM3,600 itu milik seorang warga tempatan dan dibeli secara online untuk kegunaan sendiri," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Menurut Muhammad Ikram, tindakan mengimport ginseng tanpa permit import Maqis merupakan satu kesalahan mengikut Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

Tambahnya, sabit kesalahan individu itu boleh didenda RM100,000 atau penjara enam tahun atau kedua-duanya sekali.

"Rampasan dilakukan kerana melibatkan keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak yang boleh mengancam industri pertanian negara," katanya.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Incentives worth RM32mil given to farmers in Johor | | |
| MediaTitle | The Star | | |
| Date | 20 Dec 2022 | Color | Full Color |
| Section | Metro | Circulation | 175,986 |
| Page No | 4 | Readership | 527,958 |
| Language | English | ArticleSize | 256 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 12,884 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 38,652 |



# Incentives worth RM32mil given to farmers in Johor

THE Johor Agriculture Department has carried out 46 projects and handed out incentives worth about RM32mil this year to help local farmers.

Agriculture, agro-based industry and rural development committee chairman Datuk Zahari Sarip said RM10mil of the sum was from the state government, RM13.9mil from the Federal Government and RM7.9mil from the National Economic Recovery Plan (Penjana).

"Various government assistance and incentives have been given to industry players in the agriculture sector, regardless of whether they have small, medium or large-scale farms.

"In general, farmers who are involved in developing a farm, producing agricultural products, developing and marketing agriculture products, and working on getting certification for their farms will be given some form of assistance.

"In 2022 alone, the state government carried out 46 projects and incentives that have benefitted some 10,959 agriculture entrepreneurs," he told the state assembly sitting in Kota Iskandar.

He was responding to a question from Ee Chin Li (PH-Tangkak) on the available assistance for farmers and whether they were successful.

Zahari noted that there were three categories of incentives available under the state agriculture department, namely, the food development incentive, agriculture-based industry incentives and the human development incentives.

"The Farmers Organisation Authority also plays an important role in the effort to empower farmers through their programmes.

"Among the programmes are the young agropreneur scheme for farmers between 18 and 40 years old, the Rise Up programme where farmers can get a matching grant of between RM50,000 and RM100,000, the esatellite programme for those wanting to upgrade their existing project to a large-scale one using technology, and the agriprentice programme where farmers are paired together in a mentor-mentee approach.



Zahari: RM60mil has been channelled from eight state and federal agencies for the development of Johor's agriculture sector in 2022.

"Some 119 people have benefitted from these four programmes this year with an allocation of about RM6.18mil," he said.

Zahari said other agencies that had also been playing active roles in the development of local farmers were the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama), Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi), Malaysian Pineapple Industry Board (MPIB) as well as the Fisheries and the Veterinary departments.

"For the record, a total of RM60mil has been channelled for the development of Johor's agriculture sector this year from eight state and federal agencies.

"This made way for the implementation of 149 programmes benefiting 18,000 individuals.

"Apart from improving the welfare of farmers and other agriculture industry players, these schemes and incentives are also meant to increase productivity in the sector.

"This is in line with Johor's aspiration to be the country's food basket," he added.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 20/12/2022 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 22 |

EKSKLUSIF

# Penternak akan serah memo kepada PM

## Kemuka cadangan bagi menyelesaikan masalah bekalan telur ayam

Oleh MOHAMAD AMREEL IMAN ABD MALEK
SHAH ALAM

Satu memorandum bagi penyelesaian isu bekalan telur ayam di seluruh negara dijangka dikemukakan pada minggu hadapan oleh penternak kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurut sumber daripada pihak penternak, langkah tersebut adalah sebagai jalan penyelesaian terhadap masalah bekalan yang berlaku ketika ini.

"Kita akan kemuka memorandum tentang apa yang dimahukan sama ada minta subsidi atau sebarang bantuan kerajaan," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Isnin.

Sebelum ini, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) meneruskan usaha mencari penyelesaian isu bekalan telur ayam dalam pasaran dengan mengadakan perbincangan bersama peserta industri unggas negara.

Menterinya, Mohamad Sabu berkata, kerajaan turut mengimport bekalan berkenaan dari beberapa negara sumber yang sudah dikenal pasti.

Jelas beliau, tindakan drastik itu perlu dilakukan berikutan masalah bekalan sejak lebih lima bulan lalu.




Sebahagian pelanggan memilih telur import di sebuah pasar raya di Pasir Puteh, Kelantan, ekoran kekurangan bekalan telur ayam tempatan ketika ini.

Sementara itu, sumber tersebut menambah, kekurangan bekalan telur dalam menampung permintaan yang semakin tinggi di seluruh negara berpunca daripada tetapan harga semasa didakwa tidak selaras dengan kos produktivitinya.

Ujarnya, kos bagi penternakan ayam telur meningkat dari masa ke masa, manakala subsidi yang diberikan kerajaan masih dilihat tidak berupaya menyelesaikan masalah tersebut.

"Pada Oktober lalu, kerajaan berikan subsidi sebanyak lapan sen bagi sebiji telur.

"Kemudian, pada November dan Disember kerajaan menambah dua sen lagi, maka jadilah 10 sen. Kita dapat sedikit keuntungan pada masa itu.

"Tapi untuk menyelesaikan masalah kekurangan bekalan, ia bukan boleh dilakukan dalam kadar yang segera, memerlukan masa sekitar enam bulan untuk memulihkannya.

"Sumber makanan untuk ayam seperti jagung diimport dari luar negara, ia meningkat dari masa ke masa.

"Kalau tahun lepas harga satu tan jagung adalah RM850, pada April 2022, naik berkali ganda sehingga RM1,800, cuma sekarang dah turun sedikit ke RM1,600," ulasnya.

Jelas sumber lagi, jika masalah itu tidak dapat ditangani, sektor pembekalan tersebut akan sukar bertahan sehingga 10 tahun akan datang.

"Sukar untuk kita bertahan sehingga 10 tahun akan datang kalau keadaan terus begini," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/12/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 18 |


# Minyak masak paket, telur masih kurang di Kuantan

## Tinjauan dapati bahan asas tanpa subsidi banyak di pasaran

Oleh Asrol Awang
bhnews@bh.com.my

**Kuantan:** Bekalan minyak masak paket bersubsidi didapati kehabisan di beberapa pasar raya di daerah ini, namun stok minyak masak botol bagi dua dan lima kilogram masih ada di pasaran.

Tinjauan semalam mendapati minyak masak paket yang dihadkan penjualannya kepada tiga paket bagi setiap pelanggan habis sejak awal pagi.

Keadaan itu membimbangkan orang ramai khasnya golongan berpendapatan rendah yang mahu kerajaan mengatasi masalah kekurangan bekalan itu segera.

Suri rumah, Jamaliah Kamaruddin, 56, berkata pihak berkuasa, terutama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup perlu segera bertindak bagi memastikan pengguna mudah mendapatkan barang keperluan harian.

"Bukan semua mampu membeli minyak masak dalam botol, terutama golongan kurang berkemampuan kerana harganya tinggi.

"Jadi, masalah kekurangan stok minyak masak bersubsidi perlu diselesaikan segera," katanya.

**Harapan peniaga**

Sementara itu, tinjauan bekalan telur ayam juga berlaku kekurangan, terutama membabitkan 30 biji sepapan.

Bagaimanapun, telur ayam 10 biji jenis omega dan premium masih ada di pasaran, tetapi harganya lebih mahal, menyebabkan ia kurang mendapat sambutan.




*Rak yang menempatkan minyak masak paket bersubsidi habis di sebuah pasar raya di Kuantan.*
(Foto Asrol Awang/BH)

Peniaga nasi lemak, Juhaidi Kamaruzzaman, 45, berkata kesukaran mendapatkan bekalan telur memberikan kesan kepadanya kerana telur ayam adalah antara bahan asas dalam menu nasi lemak.

Katanya, disebabkan itu, dia terpaksa mendapatkan bekalan telur ayam di beberapa pasar raya atau kedai runcit jauh dari rumah.

"Saya harap kerajaan segera memulihkan kembali bekalan telur ayam kerana kesukaran mendapatkannya menyebabkan kami terpaksa mencarinya di merata tempat," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/12/2022 | NST | NEWS | 8 |






*An empty shelf at a supermarket in Kuantan, Pahang, after it ran out of subsidised cooking oil in polybags yesterday. (Inset) A man looking at trays of eggs, which are also in short supply at some outlets.* PIX BY ASROL AWANG

**KUANTAN AREA**

# CONCERN OVER OIL, EGG SHORTAGE

## Consumers want ministry to resolve low stock of polybag cooking oil and eggs in trays of 30

ASROL AWANG
KUANTAN
news@nst.com.my

SUBSIDISED cooking oil in polybags were sold out at several supermarkets in the district here yesterday.

However, there were still many stocks of bottled cooking oil of between 2kg and 5kg.

Checks found that polybag cooking oil, which were being rationed at three packets per customer, were sold out.

Several consumers had raised their concern over the matter and urged the government to address the short supply of subsidised cooking oil.

Housewife Jamaliah Kamaruddin, 56, said the Domestic Trade and Cost of Living Ministry should act quickly to overcome the shortage of the essential item.

"Not everyone can afford bottled cooking oil, especially the underprivileged.

"The problem of shortage of subsidised cooking oil needs to be solved immediately," she said.

A survey on the supply of chicken eggs also found a similar situation, especially for trays of 30 eggs.

The omega-10 enriched and other premium chicken eggs were still available in retail stores, but were costlier.

Nasi lemak seller, Junaidi Kamaruzzaman, 45, said the difficulty in getting regular eggs had affected his business.

He said he had to source for supplies from several supermarkets and grocery shops, he said.

"I hope the government will immediately restore the supply of chicken eggs," he said.